

# Wujud Terminal Makanan Negara dikaji – Muhyiddin

um - 13/2/2006

KUALA LUMPUR 12 Feb. – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang mengkaji untuk mewujudkan Terminal Makanan Negara (Teman) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan pengedaran produk pertanian dari seluruh negara.

Bagaimanapun, Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin berkata, keputusan mewujudkan Teman belum lagi muktamad.

“Saya sendiri tidak tahu berapa peruntukannya. Ia masih belum muktamad tetapi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) mungkin perancangannya akan dimulakan.

“Untuk tujuan tersebut, pihak pengurusan FAMA telah membeli tanah di Perak dan Kelantan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Pasar Tani Mega (PTM) peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, di Taman Bukit Angkasa, Pantai Dalam di sini hari ini.

Hadir sama, Pemangku Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, Timbalannya Datuk Zulhasnan Rafique, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ruslin Hasan dan Pengerusi FAMA, Datuk Abdul Rahim Bakri.

Sementara itu, beliau menjangkakan sebanyak 25 daripada 232 pasar tani di seluruh negara akan dinaikkan taraf kepada PTM pada tahun ini.

“Jumlahnya akan meningkat kepada 150 buah menjelang tahun 2010,” katanya lagi.

Muhyiddin memberitahu, sehingga kini sebanyak lapan PTM telah dilancarkan di seluruh negara dan PTM Bukit Angkasa merupakan PTM kesembilan.

“Pasar Tani Mega Bukit Angkasa adalah yang pertama di Kuala Lumpur



**MUHYIDDIN Yassin tertarik dengan kesegaran buah tempatan selepas merasmikan Pasar Tani Mega di Taman Bukit Angkasa, Kuala Lumpur semalam. Turut hadir Shahrizat Jalil.**

dengan bilangan peserta seramai 95 orang,” katanya.

Tambah beliau, PTM Putrajaya akan dilancarkan pada akhir bulan ini diikuti di Alor Star pada awal bulan Mac dan Pagoh, Muar pada akhir bulan Mac ini.

“Setakat ini, bilangan peserta pasar tani ialah seramai 9,300 orang dengan nilai jualan sebanyak RM230 juta setahun,” jelasnya.

Katanya lagi, transformasi pasar tani biasa kepada PTM merupakan satu daripada program bagi meningkatkan

kecekapan dan keberkesanan Pengurusan Rantai Bekalan.

Dalam pada itu, beliau berkata, cadangan mewujudkan pasar tani kekal bagi membolehkan produk pertanian dipasarkan setiap hari dan bukan seminggu sekali sebagaimana sekarang masih di peringkat rundingan.

“Bagaimanapun jika pasar tani kekal ingin diwujudkan, FAMA dan pihak kerajaan terpaksa menyediakan tapak kekal melalui sistem sewaan atau pajak,” tambahnya.